

Elak negara banyak hutang

Dasar ekonomi digubal untuk faedah rakyat, bukan cari populariti: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, dasar ekonomi pentadbirannya digubal untuk kebalikan rakyat dan negara, bukannya bagi mencari populariti sehingga generasi akan datang menanggung beban hutang.

Berucap pada jamuan Kelab Perniagaan Kuala Lumpur di sini malam tadi, Perdana Menteri berkata, beliau mahu melaksanakan dasar ekonomi yang betul bukan saja untuk generasi sekarang, malah masa depan.

Merujuk tanggapan pihak tertentu bahawa ekonomi negara tidak berkembang kerana kerajaan tidak berbelanja, Abdullah berkata, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) membuktikan beliau tidak takut untuk berbuat demikian.

"Tetapi jika dasar ekonomi saya hanya mengenai cukai dan berbelanja tanpa memikirkan soal perubahan struktur, apakah yang akan saya tinggalkan untuk generasi akan datang.

"Saya tidak mahu meninggalkan bebanan hutang atau liabiliti. Saya tidak mahu kita berjaya sekarang dan generasi akan datang menanggung akibatnya.

"Semua ahli politik mahu menjadi popular, itu adalah mata pencarian kami. Namun, populariti tidak patut mendahului tindakan yang betul. Saya tidak merancang untuk melakukan apa yang popular. Saya merancang untuk melakukan dan mencuba, apa yang betul untuk negara.

"Apa yang kita ubah sekarang akan membolehkan kita berjaya sekarang dan pada masa depan," katanya.

Perdana Menteri yang juga Men-

“Tak kisahlah jika saya tidak membina binaan yang hebat atau bandar raya yang bergemerlapan. Apa yang penting bagi saya ialah apa yang kita lakukan hari ini”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

teri Kewangan mengajak masyarakat perniagaan bersama beliau dan kerajaan menjayakan Misi Nasional seperti digariskan dalam RMK-9 kerana lima teras misi itu tidak boleh dilaksanakan bersendirian.

Katanya, tiada organisasi atau perniagaan yang wujud hanya untuk dirinya.

"Kejayaan anda dalam perniagaan tidak seharusnya menguntungkan anda saja. Ia harus memakmurkan negara dan mewujudkan iklim perniagaan yang lebih baik," katanya menjelaskan rasional RMK-9.

Abdullah juga menegaskan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) diberi penekanan kerajaan sekarang berbeza daripada kaedah konsesi sebelum ini.

Katanya, PFI akan dilaksanakan berdasarkan perjanjian yang adil kepada kerajaan dan pihak swasta dan

kerajaan juga tidak akan mudah memberi subsidi atau menyelamatkan konsesi pada masa depan.

"Saya tidak akan membenarkan kerajaan dan akhirnya pembayar cukai menderita akibat perjanjian berat sebelah yang memberi keuntungan besar kepada syarikat terbabit," katanya.

Beliau berkata, Misi Nasional tidak harus dilihat sebagai slogan atau satu lagi rancangan lima tahun.

"Saya bukannya ahli sejarah ekonomi tetapi seorang yang mengkaji kebangkitan dan keruntuhan tamadun. Saya bukan berilusi bahawa ini adalah antara titik tolak dalam sejarah kita," katanya.

Katanya, perkembangan semasa dunia menjadikan lima tahun akan datang amat penting.

"Jika kita rebah, kita tidak akan berjaya," katanya.